

# UKBM untuk pelajar, pekerja asing

» Pastikan warga asing menguasai bahasa Melayu dengan baik

Oleh Iwan Tun Tuah  
ifwan@bh.com.my

► Nilai

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) akan memperkenalkan Ujian Kefahaman Bahasa Melayu (UKBM) untuk pelajar asing yang mengikuti pengajian di universiti awam dan swasta di negara ini tidak lama lagi.

Ujian itu juga akan dilaksanakan ke atas pekerja asing termasuk ekspatriat.

Ketua Pengarahnya, Datuk Dr Awang Sariyan, berkata DBP sudah menyediakan kertas cadangan berhubung perkara itu melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Sumber Manusia untuk dibentangkan kepada Kabinet dalam tempoh terdekat bagi kelulusan dasar.

Katanya, objektif UKBM untuk



Awang (dua dari kiri) bertukar dokumen dengan Dr Musa pada Majlis Menandatangani MoU antara DBP dan USIM di Nilai, semalam.

[FOTO KHAIRUL NAJIB ASARULAH KHAN/BH]

memastikan pelajar antarabangsa yang melanjutkan pelajaran di universiti awam dan swasta serta pekerja asing menguasai bahasa Melayu dengan baik.

"Ujian ini tidak akan menjadi prasyarat untuk pelajar atau pe-

kerja asing datang ke Malaysia, tetapi ia membolehkan institusi pengajian atau majikan mengetahui tahap penguasaan Bahasa Melayu mereka sebelum diserapkan ke kursus bahasa Melayu lanjutan," katanya.

## Kenali budaya tempatan

Beliau bercakap kepada pemberita selepas majlis menandatangani memorandum perjanjian (MoA) antara DBP dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi penerbitan secara

bersama tiga judul buku tulisan ahli akademik USIM di sini, semalam.

Tiga buku berkenaan berjudul *Darah: Titisan Berharga Penyambung Nyawa, Prinsip dan Amalan Pengurusan Zakat di Malaysia dan Bersugi dan Kesihatan Pergiian Menurut Islam*.

Yang turut hadir, Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Musa Ahmad.

Awang berkata, pihaknya bekerjasama dengan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) untuk menggubal ujian dan kursus berkaitan UKBM.

Antara lain, modul UKBM menyelitikan pengetahuan asas mengenai budaya dan amalan masyarakat Malaysia bagi memudahkan warga asing menyesuaikan diri dan tidak menimbulkan perasaan kurang senang masyarakat tempatan.

"Projek perintis UKBM dimulakan di Universiti Utara Malaysia tahun lalu dan lebih banyak universiti termasuk USIM, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) dijangka memulakan ujian itu September depan," katanya.